

'Dokumen dikemukakan palsu'

UPM sedia beri kerjasama bantu mana-mana agensi semak status penganugerahan sijil akademik

Oleh Skuat Khas
Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengesahkan dokumen pendidikan yang dikemukakan beberapa individu untuk pelantikan dalam sebuah badan beruniform adalah palsu.

Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat universiti itu dalam satu kenyataan berkata, pentadbiran universiti itu sedia membantu jika mana-mana pihak atau agensi mahu menyemak pengesahan status penganugerahan sijil akademik.

"Tiada sebarang penetapan prosedur operasi standard (SOP) untuk mana-mana pihak merujuk pihak UPM terlebih dahulu untuk saringan temuduga atau kenaikan pangkat."

"Pihak berkaitan boleh menghubungi Bahagian Urus Tadbir Akademik, Pejabat Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa UPM," katanya.

Metro Ahad sebelum ini melaporkan segelintir individu dikesan memalsukan dokumen pendidikan untuk mendapat pangkat dalam sebuah unit sukarela badan beruniform di negara ini.

Selain itu, ada individu termasuk penggiat seni dan ahli perniagaan dikesan memalsukan dokumen pendidikan untuk mendapat pangkat dalam sebuah unit sukarela badan beruniform di negara ini.

laporan khas

ADA ARTIS SANGGUP BAYAR SEHINGGA RM6,000

Palsukan kelayakan akademik demi kemari pangkat



Seorang lelaki yang dikenali sebagai 'A' (nama samaran) dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu. Lelaki ini, yang dikenali sebagai 'A', dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu. Lelaki ini, yang dikenali sebagai 'A', dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu.

'Ingatkan kena bayar, rupa-rupanya percuma je'

Seorang lelaki yang dikenali sebagai 'A' (nama samaran) dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu. Lelaki ini, yang dikenali sebagai 'A', dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu.

Pemalsuan sijil rosak nama baik institusi pendidikan

Seorang lelaki yang dikenali sebagai 'A' (nama samaran) dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu. Lelaki ini, yang dikenali sebagai 'A', dikatakan sanggup membayar sehingga RM6,000 untuk mendapatkan sijil akademik palsu.

nakan bayaran tertentu untuk mendapat pangkat sejak lebih tiga tahun lalu. Menurutnya, tindakan seperti itu adalah tidak wajar dan boleh menjejaskan nama serta reputasi UPM. "Pihak UPM berhak untuk mengambil tindakan

aduan dan laporan kepada pihak berkuasa jika individu berkaitan tidak menghentikan perbuatan mereka," katanya. Kenyataan itu berkata, pihaknya turut menasihatkan mana-mana agensi atau pihak berkuasa men-

dapatkan pengesahan dari institusi pengajian yang berkaitan jika ragu-ragu dengan sijil akademik yang diterima daripada mana-mana individu. Katanya, semakan sijil akademik IPT juga boleh dibuat dengan merujuk

Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) yang disediakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA). "Mana-mana individu atau kelompok dinasihat-

kan tidak menyalahguna nama IPT sewenang-wenangnya. Menggunakan sijil akademik palsu adalah satu kesalahan undang-undang yang boleh dikenakan tindakan di bawah pertuduhan jenayah," katanya.